

Gayana Eco Resort dan peluang pekerjaan komuniti di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah

ABSTRAK

Pelancongan merupakan salah satu industri yang amat penting kepada ekonomi Malaysia. Ini kerana pelancongan merupakan antara penyumbang terpenting kepada ekonomi negara selain dari industri pembuatan. Dalam hal ini, bagi mewujudkan satu pusat pelancongan yang berjaya dan membantu meningkatkan ekonomi negara, penglibatan komuniti adalah hal yang harus diambil kira. Oleh sebab itu objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis pekerjaan yang ditawarkan kepada komuniti setempat melalui pembangunan resort yang berlaku di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. Gayana Eco Resort merupakan salah satu pusat peranginan yang terdapat di Pulau Gaya dan juga antara resort yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan juga luar Negara. Ini kerana resort tersebut bertaraf antarabangsa dan kawasan yang sangat sesuai untuk pelancongan. Data diperolehi dalam kajian ini adalah melalui temu bual mendalam bersama informan utama iaitu Pengurus Pembantu Eksekutif, Chef Manager, Jabatan Keselamatan, Housekeeping Manager, Duty Manager, Restoran dan Pemandu Pelancong. Hasil kajian ini mendapayi bahawa peluang pekerjaan yang ada di Gayana Eco Resort telah memudahkan ahli komuniti mendapatkan kerja serta pendapatan yang mereka perolehi boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Justeru, peluang penglibatan komuniti setempat di Pulau Gaya harus terbuka kepada mereka demi memastikan kelestarian pelancongan resort itu sendiri di masa depan.